

Headline	Kerajaan setuju laksana ICPT mulai Julai		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Jun 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	20,955
Page No	27	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,204
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,611



Kerajaan setuju laksana ICPT mulai Julai

Sektor perniagaan perlu membayar kos tenaga lebih tinggi dalam tempoh enam bulan akan datang, susulan surcaj tambahan 1.35 sen bagi setiap kiloWatt sejam (kWh) bermula 1 Julai ini oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB).

TNB berkata, surcaj itu, yang disebabkan oleh kenaikan kos bahan api dan penjanaan, adalah di bawah mekanisme Kos Pelepasan Tidak Seimbang (ICPT),

Ia membolehkan syarikat utiliti tenaga itu mencerminkan perubahan dalam kos bahan api dan penjanaan dalam tarif elektrik pengguna setiap enam bulan.

Dalam satu pengumuman kepada Bursa Malaysia semalam, TNB berkata, kerajaan menerusi surat daripada Suruhanjaya Tenaga bertarikh 28 Jun melu-

luskan pelaksanaan ICPT bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2018.

TNB berkata, purata Tarif Asas akan kekal tidak berubah pada 39.45 sen/kWh.

Penggunaan bawah 300kWh tidak terjejas

Bagaimanapun, berikutan kos bahan api dan penjanaan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2018, kos tambahan surcaj ICPT sebanyak RM698.19 juta atau 1.35 sen/kWh akan dilepaskan menerusi mekanisme ICPT.

Pengguna domestik dengan penggunaan bulanan di bawah 300kWh tidak akan terjejas oleh pelaksanaan ICPT, sementara jumlah yang melebihi paras itu dibiayai oleh Kumpulan Wang

Industri Elektrik (KWIE).

Pengguna domestik merujuk kepada mereka yang menduduki rumah persendirian, yang tidak digunakan sebagai hotel, rumah tumpangan atau digunakan untuk tujuan menjalankan sebarang bentuk perniagaan, perdagangan, aktiviti profesional atau perkhidmatan.

Sementara itu, pelanggan bukan domestik akan dipengaruhi oleh surcaj ICPT sebanyak 1.35 sen/kWh, kata TNB.

Ia berkata, pelaksanaan ICPT tidak akan memberi sebarang kesan ke atas operasi perniagaan dan kedudukan kewangannya.

Suruhanjaya Tenaga dalam kenyataannya menjelaskan, bagi tempoh Januari hingga Jun 2018, didapati bahawa harga bahan

api arang batu telah meningkat kepada AS\$91.66 satu tan berbanding harga yang diunjurkan dalam tarif asas, iaitu AS\$75 satu tan.

Kenaikan bagi tempoh enam bulan pertama 2018 ini adalah faktor utama yang menyebabkan kos penjanaan sebenar meningkat sebanyak RM698.19 juta bersamaan 1.35 sen/kWh.

Sehubungan itu, kerajaan telah memutuskan supaya peningkatan kos sebanyak 1.35 sen/kWh berkenaan dilepaskan dalam bentuk surcaj ICPT kepada semua pengguna bukan domestik di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 1 Julai 2018 hingga 31 Disember 2018.

Kerajaan juga telah menetapkan supaya surcaj ICPT itu dikecualikan kepada semua pengguna domestik bagi tempoh sama.

Fakta nombor

1.35 SEN

surcaj tambahan bagi setiap (kWh) bagi sektor perniagaan bermula 1 Julai ini oleh TNB

39.45 SEN/KWH

purata Tarif Asas tidak berubah